

DATE: 9/10/2010

Di mana titik transformasi diperlukan

UM - 9/10/2010

BANYAK telah diperkatakan tentang Program Transformasi Ekonomi yang dipamerkan kepada umum pada 26 September yang lalu. 131 Projek Titik Kemasukan dan 60 Peluang Perniagaan telah dikenal pasti melalui 12 Bidang Utama Ekonomi Nasional.

Kita difahamkan 92 peratus daripada nilai pelaburan RM1.3 trilion dijangka dibiayai oleh sektor swasta dan kerajaan hanya berbelanja 8 peratus sahaja. Baguslah begitu, tidak bertambahlah lagi defisit belanjawan negara.

Tetapi ada juga yang mengatakan sebahagian besar (30 peratus) akan datangnya daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), jadi sektor swasta lain kena melabur sebanyak 62 peratus.

Hasrat kita untuk mencapai negara berpendapatan tinggi menjadi tunggak utama kepada sebarang perancangan dan untuk mencapai hasrat itu menjelang 2020, pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya sebanyak 6 peratus diperlukan.

Salah satu cara untuk menjaga pertumbuhan ialah dengan berbelanja. Jadi kita pun kenalah berbelanja untuk projek-projek besar yang bukan lagi mega tetapi super mega.

Bagi sektor swasta tiada masalah kepada mereka untuk berbelanja asalkan mereka dapat untung dan tidak hairanlah kalau beberapa ahli makmal yang terdiri daripada sektor swasta telah mengenal pasti projek mana yang harus mereka ceburi atau perolehi.

Mereka ini yang mewakili bahagian atasan daripada jumlah penduduk kita tentu sekali akan melihat pendapatan dan keuntungan mereka.

Secara keseluruhannya nanti, jika dicampurkannya jumlah nilai pendapatan negara tentulah jumlahnya akan melambung tinggi dan jika dibahagikan dengan jumlah penduduk pada masa itu tentulah angka pendapatan per kapita kita akan meningkat.

Saranan Salleh



e-mel: satria49@hotmail.com

Tak kisahlah kalau yang duduk di bahagian bawah dengan pendapatan yang sedia rendah tidak berubah pendapatan mereka.

Malangnya apabila negara telah mencapai taraf negara berpendapatan tinggi, kita tidak tahu apakah kesannya kepada kos sara hidup secara amnya. Bagi mereka yang pendapatannya tidak berubah, kenaikan kos sara hidup ini tentu sekali akan mendatangkan kesempitan kepada mereka lagi.

Kita difahamkan dalam makmal-makmal tersebut penyertaan pelbagai pihak diutamakan termasuklah syarikat perunding asing. Dalam penjaanaan projek-projek di bawah makmal masing-masing banyak bergantung kepada apa yang disarankan oleh mereka yang turut serta.

Kalau sektor swasta tentulah mereka melihat apa yang akan menguntungkan mereka. Bagi perunding antarabangsa yang kita gunakan tentulah pelbagai alat analisis keadaan negara telah digunakan bagi mereka melihat daripada pelbagai sudut sebelum membuat sebarang cadangan. Tapi tahukah mereka keadaan sebenar yang dihadapi oleh negara kita?

Kita tidak perlu lagi mengetahui maklum balas rakyat daripada kampung ke daerah, daripada daerah ke negeri untuk melihat apa yang wajar dan patut diperkenalkan untuk meningkatkan taraf pendapatan mereka.

Wakil-wakil rakyat pun tak perlu memberitahu apa yang kurang dan apa yang baik diperkenalkan di kawasan mereka untuk meningkatkan taraf hidup rakyat kawasan mereka.

Apakah inovasi teknologi yang boleh membantu petani meningkatkan hasil keluaran mereka sama ada secara berseorangan atau berkelompok?

Misalnya projek pertanian berkelompok untuk menghasilkan dan melipat gandakan hasil pertanian seperti ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Apakah inovasi teknologi yang boleh membantu petani meningkatkan hasil keluaran mereka sama ada secara berseorangan atau berkelompok? Bagaimanakah nelayan kita boleh meningkatkan hasil tangkapan dan tidak terjerut dengan putaran ganas kemiskinan yang mereka hadapi sekarang?

Kita sedar pendidikan merupakan suatu bidang yang penting yang bakal membawa perubahan besar kepada apa jua perancangan. Tenaga mahir kita misalnya setakat 25 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja kita.

Kalau jumlah ini tidak bertambah, kita tidak akan mampu menampung sebarang perubahan kepada industri berteknologi tinggi atau yang berasaskan pengetahuan.

Kita lihat dalam pelan transformasi ini tumpuan pendidikan ialah kepada sektor swasta bermula daripada tadika. Apakah kita sudah berpuas hati dengan apa jua transformasi yang berlaku di institusi pengajian tinggi kita?

Tiada apa lagi yang perlu kita lakukan dengan pendidikan awam di peringkat rendah dan menengah kerana semuanya sudah berjalan dengan lancar?

Timbul persoalan yang kita mungkin tidak menjawab pelbagai masalah yang sedia ada dalam penyusunan semula struktur ekonomi kita. Persoalan seperti penghijrahan sektor swasta kita keluar negara yang menyebabkan sumbangan mereka terhadap Keluaran Negara Kasar kita merosot.

Persoalan seperti penurunan Pelaburan Langsung Asing yang kita kalah dengan jiran-jiran yang dahulunya di bawah kita. Persoalan seperti jenis tindakan membantu Bumiputera supaya amalan-amalan masa lalu yang tiris dan bocor dan penyerahan kepada golongan tertentu sahaja tidak lagi berlanjutan.

Kita difahamkan bentuk bantuan akan berasaskan prinsip keperluan, merit dan mesra pasaran.

Kita melihat apa yang berlaku di Amerika dan Eropah ialah hasil daripada prinsip mesra pasaran yang akhirnya membuatkan kerajaan negara-negara tersebut terpaksa memperkenalkan undang-undang dan peraturan yang menghadkan kebebasan mereka.

Kebebasan yang dulunya telah membuatkan rakyat negara-negara tersebut mengalami kesempitan hidup. Mereka belum lagi keluar daripada kemelut ekonomi yang mereka hadapi.

Salah satu keperluan masyarakat Bumiputera ialah meningkatkan taraf hidup. Tidak ada seorang pun rakyat Bumiputera yang bersetuju bentuk bantuan diberikan berasaskan kroni dan hubungan politik tetapi dapat bersaing secara adil.

Keadaan yang mana golongan majoriti rakyat negara ini merupakan golongan yang tertinggal dalam semua bidang memerlukan tindakan perubahan dan ini memerlukan suatu transformasi besar-besaran bukan semestinya seperti yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru dulu.

DATO' SALLEH MAJID ialah bekas Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (kini Bursa Malaysia)